

Media Title : Utusan Malaysia
Headline : Remaja didakwa diculik rupanya ditipu
Date : 12 October 2023
Section : Dalam Negeri
Page : 8



Remaja didakwa diculik rupanya ditipu

KUALA LUMPUR: Panggilan telefon yang diterima seorang wanita mengatakan anaknya berusia 18 tahun diculik telah membongkar kejadian penipuan dalam talian.

Pada mulanya, wanita berkenaan dihubungi seorang lelaki yang tidak dikenali Selasa lalu meminta wang tebusan RM300,000 untuk pembebasan anaknya.

Wanita itu kemudian cuba menghubungi anaknya tetapi gagal menyebabkan dia membuat laporan polis.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Shuhaily Mohd. Zain berkata, bertindak atas maklumat, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Khas D9, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras berjaya mengesan mangsa di sebuah kondominium di Seksyen 7, Shah Alam.

Kata beliau, siasatan awal polis mendapati, remaja lelaki berkenaan bersembunyi di rumah berkenaan selepas dia diminta melakukan transaksi RM283,000 ke dalam beberapa akaun oleh sindiket penipuan.

Jelasnya, semua wang berkenaan dipindah remaja lelaki menerusi tiga transaksi selepas dia menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang menyamar pegawai di Pos Laju Malaysia.

"Lelaki berkenaan menyatakan ada bungkus milik mangsa yang menyalahi undang-undang sebelum dia diarahkan bercakap dengan seorang lagi individu yang menyamar sebagai pegawai kanan polis.

"Remaja lelaki berkenaan telah dituduh oleh suspek terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram dan kegiatan pengedaran dadah," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.